

PIAGAM PELANGGAN

Kami Warga Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan Dengan Penuh Tekad Dan Iltizam Berikrar Dan Berjanji Menumpukan Seluruh Tenaga Dan Usaha Kami Bagi :

BIL	PIAGAM PELANGGAN JPNS
1	Memastikan semua kanak-kanak mengikut umur yang ditetapkan mendapat tempat belajar pada hari pertama sesi persekolahan baharu dimulakan.
2	Memastikan bahawa semua sekolah sentiasa dibekalkan dengan guru-guru mengikut perkiraan yang ditetapkan
3	Keputusan penempatan dan pertukaran guru dimaklumkan secara atas talian selewat-lewatnya 15 hari bekerja sebelum tarikh melapor diri.
4	Menempatkan kakitangan sokongan tidak lewat dari 3 hari bekerja setelah menerima bekalan daripada Kementerian Pendidikan Malaysia.
5	Memastikan semua permohonan dan tuntutan yang berkaitan kewangan diproses dalam tempoh 14 hari bekerja dari tarikh permohonan diterima
6	Menguruskan cadangan pengisian jawatan Pengetua/Guru Besar/ Penolong Kanan dan Ketua Bidang dalam tempoh 3 bulan sebelum berlakunya kekosongan
7	Memastikan setiap calon yang telah mendaftar ditaksir melalui Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) dan menduduki peperiksaan mengikut jadual dan prosedur yang ditetapkan.
8	Memastikan pelanggan sentiasa mendapat maklumat yang jelas dan tepat dengan menerima layanan dan perkhidmatan kaunter yang mesra
9	Melaksanakan pengurusan aduan awam dengan cekap dan teratur dalam tempoh 15 hari bekerja.
10	Sentiasa bersedia menerima cadangan yang membina dari semua pihak demi mempertingkatkan prestasi perkhidmatan dan kecemerlangan pendidikan.

(Semakan Semula Piagam Pelanggan JPNS Pada 7 September 2015)

VISI

Pendidikan Berkualiti Insan Terdidik Negara Sejahtera

MISI

Melestarikan Sistem Pendidikan Yang Berkualiti Untuk Membangunkan Potensi Individu Bagi Memenuhi Aspirasi Negara

MATLAMAT

1. Melahirkan bangsa Malaysia yang taat setia dan bersatu padu
2. Melahirkan insan yang beriman, berakhlak mulia, berilmu, berketrampilan dan sejahtera
3. Menyediakan sumber tenaga manusia untuk keperluan dan kemajuan negara; dan
4. Memberi peluang-peluang pendidikan kepada semua warganegara Malaysia.

OBJEKTIF

1. Melaksanakan pendidikan wajib dan menyediakan peluang pendidikan untuk semua kanak-kanak;
2. Membangunkan potensi pelajar-pelajar serta membimbing mereka menjadi insan yang cemerlang dalam bidang kurikulum, kokurikulum, sukan dan sahsiah;
3. Memastikan urusan perkhidmatan nasihat, bimbingan dan kebajikan dapat dimanfaatkan oleh pelajar;
4. Memastikan kemudahan infrastruktur sekolah dilengkapi mengikut keperluan;
5. Menguruskan penempatan guru, pegawai dan kakitangan sokongan mengikut keperluan sekolah, Pejabat Pendidikan Daerah dan Jabatan Pendidikan Negeri;
6. Menguruskan pengisian jawatan Pengetua, Guru Besar, Penolong Kanan dan Ketua Bidang di sekolah-sekolah;
7. Menyediakan data dan maklumat pendidikan yang lengkap dan terkini;
8. Menyedia dan melaksanakan program latihan kepada guru dan kakitangan sokongan dengan berkesan;
9. Memastikan semua program pendidikan dan perkhidmatan sokongan dapat dilaksanakan dengan berkesan;
10. Memastikan pengurusan dan pelaksanaan kurikulum, kokurikulum dan sukan di sekolahserta dilaksanakan dengan berkesan;
11. Memastikan institusi pendidikan swasta dan institusi pendidikan tinggi swasta diuruskan dengan cekap mengikut Akta Pendidikan;
12. Memastikan pentaksiran berasaskan sekolah dan berpusat dilaksanakan dengan cekap, lancar dan selamat;
13. Memastikan peruntukan kewangan yang diperoleh daripada pelbagai sumber dimanfaatkan sepenuhnya mengikut prosedur yang ditetapkan;
14. Mengadakan permuafakatan dengan PIBG, agensi-agensi kerajaan, swasta dan organisasi bukan kerajaan untuk kemajuan pendidikan di Negeri Sembilan.